

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
(TUMPAT)**

**TARIKH : 30.10.2014  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian telah memikirkan baik buruk dari segi keselamatan negara apabila membuat keputusan untuk menjual tapak-tapak Pengkalan Tentera Darat dan Udara kepada swasta.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Pertahanan telah mengambil kira pelbagai faktor terutamanya dari segi kepentingan strategik dan keselamatan dalam mempertimbangkan sebarang tanah tentera yang boleh diambilalih oleh pihak swasta. Tanah-tanah yang telah dipersetujui untuk diambilalih oleh pihak swasta merupakan tapak Pangkalan Tentera yang pada asalnya dibina di kawasan yang memenuhi kepentingan strategik dan keselamatan negara. Penempatan ini kini telah menjadi tidak sesuai untuk keperluan pengoperasian dan aturgerak kerana berada di dalam kawasan yang sangat pesat membangun hingga mengancam keselamatan operasi dan juga penduduk sekitarnya.**